

Kritikal Literatur Terhadap Tadbir Urus Dan Pengawalseliaan Ar-Rahnu Di Malaysia (Critical Literature on Governance and Supervision of Ar-Rahnu in Malaysia)

A. A. Shah* and S. E. Yaacob

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650 Bandar Bangi, Selangor, Malaysia.

*asiahasyraf@yahoo.com

Abstrak – Sistem pajak gadai Islam Ar-Rahnu yang berasaskan mikro kredit telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan di kalangan institusi kewangan di Malaysia dan pelbagai lapisan masyarakat. Malah dipercayai menjadi saingan hebat kepada pajak gadai konvensional. Namun, aspek pelaksanaannya tidak dapat lari dari pelbagai isu yang bersangkutan dengan operasi pelaksanaan ar-rahnu. Justeru, kertas kerja ini dihasilkan bertujuan untuk menyoroti kajian lepas berkaitan isu-isu yang berbangkit dalam operasi dan tadbir urus Ar-Rahnu serta kaitan langsung dengan keperluan undang-undang. Analisis literatur dibuat untuk melihat sejauh mana isu-isu yang terdapat dalam al-Rahnu seperti aspek pematuhan syariah, keselarasan prosedur, pengawalseliaan dan polisi yang mengikat Ar-Rahnu boleh tercapai melalui satu bentuk urus tadbir yang berkesan serta pembentukan undang-undang khusus untuk mengawal selia skim ini. Hasil kajian telah mendapati kedua-dua keperluan penting ini iaitu tadbir urus dan pengawalseliaan merupakan satu keperluan yang mendesak untuk memperkasa dan memenuhi kelompangan skim Ar-Rahnu sedia ada melalui komitmen dari pihak industri, para pengkaji akademik dan penglibatan agensi kerajaan yang berkaitan. **Copyright © 2016 Penerbit Akademia Baru - All rights reserved.**

Katakunci: Ar-Rahnu, Pajak Gadai, Undang-Undang, Tadbir Urus

Abstract - Islamic pawnshop system based on Ar-Rahnu microcredit has gained overwhelming response among financial institutions in Malaysia and all walks of life. In fact, it is believed to be a great competitor to conventional pawnshops. However, aspects of the implementation could not escape from a variety of issues related to the operation of ar-rahnu. Thus, this paper aims to highlight previous research related issues arising in the operation and governance of the Ar-Rahnu and direct connection with the legal requirements. Analysis of the literature is made to see to what extent there are issues such as shariah compliance, inconsistencies procedures, regulatory and policy binding on Ar-Rahnu can be achieved through a form of effective governance and the establishment of a particular law to regulate the scheme. Results of studies have found both of these important requirements, namely governance and supervision is an urgent need to empower and fulfill the gap in Ar-Rahnu scheme existing through the commitment of industry, academic researchers and the involvement of the relevant government agencies. **Copyright © 2016 Penerbit Akademia Baru - All rights reserved.**

Keywords: Ar-Rahnu, pawnshop, operation and governance

1.0 PENGENALAN

Program Mikro Kredit Ar-rahnu adalah satu skim kemudahan mikro kredit yang disediakan untuk memenuhi keperluan tunai kepada masyarakat secara mudah, cepat dan amanah. Skim ini biasanya sangat membantu golongan yang berpendapatan rendah dan yang tidak layak untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan (*non-bankable*) bagi memperoleh modal perniagaan, pendidikan dan aktiviti-aktiviti lain yang produktif untuk membangunkan sosioekonomi ummah [2]. Di Malaysia, Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) merupakan institusi Ar-Rahnu yang pertama wujud pada tahun 1993. Inisiatif murni ini telah mencetus banyak kajian berkaitan operasi pajak gadai Islam di MGIT meliputi konsep gadaian, operasi dan pencapaiannya [3], [47] dan [14]. Rentetan itu, kerajaan negeri Kelantan telah mengambil usaha untuk menyeragamkan kesemua pajak gadai konvensional yang beroperasi di negeri tersebut kepada skim Ar-Rahnu yang menolak unsur riba [15].

Fenomena kewujudan institusi Ar-rahnu semakin rancak berkembang di kalangan industri meliputi institusi kewangan seperti bank dan bukan bank. Sehingga tahun 2014, terdapat 570 cawangan bank dan bukan bank yang menawarkan ar-rahnu dari pelbagai kategori Institusi Ar-Rahnu dan jumlah ini dijangka meningkat dari tahun ke tahun [13]. Sepanjang tempoh tersebut, pelbagai kajian yang menyentuh sistem penyampaian dan aktiviti berasaskan pinjaman, masa pemrosesan, jaminan yang termampu dan munasabah, bebas daripada elemen manipulasi, caj yang munasabah dan elemen keselamatan telah dikaji [1].

Di Malaysia, pajak gadai konvensional diselidai di bawah Akta Pajak Gadai 1972 (APPG 1972) yang menggariskan semua keperluan dan prinsip yang perlu dipatuhi antara pihak pemegang gadaian dan penggadai [16]. Namun sehingga kini, tiada akta khusus mahupun akta yang dipinda di bawah peruntukan lain telah digubal bagi mengawal selia operasinya [3].

Implikasi kepada ketiadaan akta mendapati beberapa elemen ketidakpatuhan syariah sepenuhnya bagi pelaksanaan ar-rahnu dilakukan oleh institusi kewangan Islam [50]. Kenyataan ini disokong oleh Abdul Halim [6] yang mendapati terdapat beberapa isu permasalahan antara penggadai dan institusi ar-rahnu seperti isu ketulenan *marhun*, isu upah simpan, isu insurans dan juga pematuhan syariah. Melalui dapatan literatur lepas, persoalan bagaimana bentuk tadbir urus yang berkesan serta konflik perundangan yang praktikal untuk mengawal selia ar-rahnu masih menjadi jurang pengetahuan yang kurang diteroka oleh para pengkaji lepas. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan meneroka semua kajian lepas yang mempunyai kaitan langsung dengan kedua-dua isu tersebut untuk mengenal pasti apakah persoalan lain yang masih perlu kepada kajian lanjut. Objektif utama kepada artikel ini ditulis adalah bagi mengenal pasti isu berbangkit daripada tadbir urus Ar-Rahnu sedia ada dan apakah bentuk mekanisme pengawal seliaan yang pernah dibincangkan oleh pengkaji lepas untuk dibincangkan lebih lanjut dalam kajian berkaitan dengannya.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Kedua-dua isu iaitu konflik dalam tadbir urus dan perundangan berkaitan Ar-Rahnu ini penting untuk dikaji berdasarkan 3 reaksi literatur ringkas di atas. Pertama, kurangnya kajian dilakukan oleh pengkaji terdahulu berkaitan skop kajian; kedua, pajak gadai Islam telah bertapak agak kukuh untuk tempoh 23 tahun di Malaysia. Ketiga, kajian menunjukkan jumlah cawangan Ar-Rahnu yang semakin bertambah dan melibatkan pelbagai kategori agensi. Bagi mencapai objektif tersebut, sorotan literatur ini dihasilkan dengan pembahagian kepada 3 sub topik utama. Sub topik pertama menyentuh aspek ketidakseragaman operasi dan polisi ar-rahnu di

Malaysia, sub topik kedua menyentuh isu tadbir urus ar-rahnu meliputi kaedah pelesenan, panel pengawasan operasi syariah, isu pengauditan dan kaedah pengendalian pelelongan. Manakala sub topik ketiga akan menyentuh justifikasi yang mendesak sehingga menuntut satu perundangan khusus berkaitan ar-rahnu. Hasil kupasan ketiga-tiga sub topik tersebut akan menimbulkan lebih banyak persoalan bagaimana bentuk tadbir urus dan pengawalseliaan yang sewajarnya untuk dikaji dan dijadikan jawapan kepada kajian ini.

2.1 Ketidakterseragaman Operasi Ar-Rahnu Di Malaysia

Abdul Halim [6] dalam kajiannya mendapati wujud perbezaan amalan prosedur operasi Ar-Rahnu disebabkan pemakaian polisi yang berbeza mengikut institusi tersebut. Pemakaian polisi yang berbeza turut memberi kesan terhadap pendedahan maklumat berhubung proses tertentu kepada pelanggan [19]. Berdasarkan kajian lepas, penulis membahagikan isu berkaitan ketidakterseragaman operasi kepada lima elemen meliputi aspek upah simpan, isu berkaitan polisi penerimaan *marhun*, isu prosedur pengendalian lelongan dan prosedur sekiranya berlaku kehilangan surat gadaian.

Satu analisa perbandingan yang dilakukan oleh Nur Hayati [36]; dan Abdul Halim [16] mendapati wujud perbezaan bagi kadar penentuan caj upah simpan, margin pinjaman dan tempoh gadaian mengikut kiraan bulan atau harian berdasarkan polisi institusi yang menawarkan ar-rahnu di Malaysia. Perincian oleh Abdul Khir et.al [7] menjelaskan lagi 3 elemen yang mendasari kaedah pengiraan caj upah simpan ditentukan oleh margin pinjaman institusi antara 50% hingga 70% dari amaun *marhun*, kadar caj upah simpan antara institusi berbeza antara RM0.65-0.75 bagi setiap RM100 nilai *marhun* manakala tempoh matang ditentukan mengikut kiraan secara harian atau bulanan. Sehubungan itu, dapatlah dimaklumi bahawa kadar caj yang dikenakan ini memberi kelebihan kepada penggadai sekiranya institusi Ar-Rahnu mengenakan caj berdasarkan kaedah setiap RM100 nilai *marhun* lebih rendah, margin pinjaman diberikan lebih tinggi dan kiraan upah simpan berdasarkan jumlah hari.

Atas faktor ketidakterseragaman ini Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) telah mengambil langkah proaktif dengan memberikan cadangan kadar upah simpan bagi skim Ar-Rahnu [30]. Persoalannya di sini, apakah amalan terbaik di kalangan institusi Ar-Rahnu dalam pengenaan caj upah simpan sesuai dengan keperluan kos pengurusan dan tidak membebankan pengguna?

Selain itu, kajian berkaitan penerimaan *marhun* juga menunjukkan ketidakterseragaman mengikut institusi malah dapatan menunjukkan institusi Ar-Rahnu masih selesa menerima emas berbanding *marhun* lain [23]. Amalan ini masih belum dapat dilonjakkan kepada aplikasi *marhun* yang lain sebagaimana merujuk kepada dapatan kajian Amin et al. [2010] berhubung penerimaan masyarakat Labuan terhadap pajak gadai Islam atau ringkasnya ARSAM yang mendapati faktor penerimaan *marhun* selain emas merupakan antara 5 faktor utama yang menjadi tarikan penerimaan pelanggan terhadap sesebuah pajak gadai. Aspek ini memberi cabaran kepada institusi ar-Rahnu kerana ia memberi kelebihan kepada pajak gadai konvensional. Menjelaskan sejauh mana amalan ini berjalan, Nafisah Mohamed et al. [31], dalam method kajiannya telah menemu bual 135 responden yang terdiri daripada institusi pajak gadai konvensional dan ar-Rahnu seluruh Malaysia mendapati pajak gadai konvensional menerima beberapa bentuk *marhun* terdiri daripada emas, perak dan segelintir menerima jam tangan sebagai gadaian.

Manakala cetusan idea terkini oleh Prof Dr. Barjoyai Bardai [39], menjangkakan institusi ar-Rahnu boleh menjadi institusi pembiayaan modal kerja penting kepada kumpulan peniaga

mikro di Negara ini dengan mengembangkan beberapa bentuk *marhun* yang berbentuk komersil seperti nota hutang, sukuk dan saham sebagai *marhun*. Prospek penerimaan *marhun* ini termasuklah geran tanah, rumah, resit deposit inventori, saham *blue chip* tersenarai, harta intelek, resit pelaburan emas di bank dan invoice jualan kepada badan kerajaan dan syarikat GLC. Berdasarkan keperluan semasa tersebut, ar-rahnu boleh menjana lebih banyak peluang dengan cara yang mengembangkan keupayaan organisasi berdasarkan permintaan dan melaksanakan inovasi. Menjelaskan kedudukan inovasi bagi sebuah perusahaan adalah mewujudkan sesuatu yang baru, termasuk produk, perkhidmatan atau idea dan ia adalah faktor memberi manfaat kepada semua ekonomi dan organisasi [25]. Justeru, persoalan timbul apakah kekuatan dan keperluan yang boleh mendorong Ar-Rahnu sedia ada untuk melakukan transformasi kepada aplikasi *marhun* yang lebih luas?

Selain itu, tempoh lanjutan gadaian juga berbeza mengikut institusi dengan tambahan antara 3 hingga 5 bulan sebaik permohonan dari penggadai diterima [23] dan [43]. Ini selari dengan dapatan kajian oleh Nur Hayati [36] kepada 11 institusi meliputi bank dan bukan bank yang mendapati perbezaan margin pinjaman dan tempoh masa lanjutan gadaian setiap institusi bergantung pada polisi masing-masing.

Dapatan secara perbandingan yang dilakukan oleh Mohamad Sollehin [23] di dua institusi besar yang melaksanakan Ar-rahnu juga telah mengenal pasti perbezaan prosedur sekiranya penggadai kehilangan surat gadaian dan perlu kepada salinan kedua surat gadaian. Sebagai contoh, Bank Rakyat meletakkan prosedur semakan rekod penggadai berdasarkan kad pengenalan sebelum rekod penggadai disahkan oleh penyelia Unit Skim Ar-Rahnu. Berbeza dengan amalan di YaPEIM, pelanggan perlu mengemukakan Surat Pengakuan Kehilangan yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah sebagai syarat mendapatkan salinan kedua surat gadaian atau bagi tujuan tebusan barang gadaian sekiranya surat gadaian hilang.

Selanjutnya, Huda Md Yusuff et al. [19] dalam kajiannya telah mencadangkan penambahbaikan terhadap penyampaian maklumat berkaitan proses tertentu kepada pelanggan berikutan hasil kajiannya menunjukkan wujud kelemahan dalam perkara tersebut sehingga memberi kesan terhadap ketidakpatuhan manual gadaian.

Kajian demi kajian menunjukkan beberapa isu ketidakseragaman operasi berpunca daripada penentuan polisi yang ditetapkan oleh setiap institusi. Justeru, timbul persoalan sejauh mana ketidakseragaman polisi ini boleh diselesaikan melalui satu mekanisme penyelarasan operasi Ar-Rahnu yang berkesan?

2.2 Isu Tadbir Urus Ar-Rahnu

Satu teori terkini yang dihasilkan oleh Ahmed, F., Brown, B. [9] mendapati sebuah institusi kewangan mikro kredit yang berkesan perlu beroperasi secara sah menurut undang-undang, meningkatkan tadbir urus organisasi dan model perniagaan institusi di samping mempunyai peraturan dan pengawalseliaan dari pihak kerajaan. Sehubungan itu, beberapa aspek pengurusan dalam tadbir urus Ar-Rahnu di Malaysia perlu diberi perhatian meliputi kaedah pelesenan, pengawasan operasi syariah, pengauditan dan kaedah pengendalian pelelongan.

Teori Ahmed, F., Brown, B. [9] ini dilihat begitu signifikan dengan pandangan beberapa kajian yang membuktikan kaedah kawalan dan pemantauan ke atas semua aktiviti ar-rahnu di seluruh negara sangat penting bagi mengelakkan institusi Ar-Rahnu dijadikan sebagai sebuah industri kewangan seperti bank yang menekankan keuntungan [39], [13] dan [19].

Secara praktikalnya, selain manual operasi yang menjadi polisi kepada sesebuah institusi, terdapat beberapa undang-undang yang mentadbir selia ar-rahnu berdasarkan kajian terhadap garis panduan¹ yang terpakai di 11 institusi bank dan bukan bank yang menawarkan ar-rahnu [36]. Walaupun dapatan kajian menunjukkan tidak wujud banyak isu yang berlaku dalam skim ar-Rahnu dan tiada kes ar-rahnu yang pernah dibawa ke Mahkamah [6] namun wujud kes terpencil yang melibatkan pertikaian pengguna khususnya berkaitan manual operasi yang digunapakai oleh sebuah institusi. Kenyataan tersebut dirujuk kepada satu laporan akhbar Sinar Harian oleh Razif [42] di mana sepasang suami isteri telah membuat laporan polis berhubung kes penipuan oleh sebuah pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu di Ipoh berikutan kadar caj memperbaharui surat gadaian yang tinggi iaitu sebanyak RM 2,649.90 untuk empat surat gadaian yang hilang. Mangsa mendakwa prosedur baru yang dipinda oleh institusi Ar-Rahnu itu tidak dimaklumi oleh pihak bank berkenaan. Justeru, mangsa meminta siasatan lanjut dari pihak berkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Sekiranya ternyata penyelewengan berlaku, timbul persoalan sejauh mana aduan mangsa diberi perhatian oleh institusi Ar-Rahnu dan adakah polisi yang ada disemak bertepatan dengan kehendak syarak?

2.2.1 Kaedah Pelesenan

Melalui kajian komprehensif oleh Rosliza [43], pengkaji menegaskan setiap institusi pajak gadai mesti mempunyai lesen bagi membolehkan ia beroperasi sebagai institusi yang sah. Tanpa lesen yang sah pelanggan akan berhadapan dengan risiko keselamatan barang gadaian kerana pada kebiasaannya pihak institusi yang tidak berlesen memilih untuk tidak mengambil perlindungan insurans keselamatan terhadap *marhun*.

Menurut Akta Pemegang Pajak Gadai 1972, pemberian lesen operasi yang sah kepada beberapa institusi kewangan dan koperasi yang melaksanakan pajak gadai perlu bagi menjalankan aktiviti ar-rahnu secara sah dan tertakluk untuk kepada prosedur penamatan sekiranya didapati wujud penyelewengan, disahkan bankrap, diputuskan bersalah oleh mahkamah atau apa-apa yang difikirkan wajar oleh pendaftar atau Kementerian Perumahan (KPKT) [4]. Dalam masa yang sama, bagi institusi bank yang beroperasi seperti bank perdagangan, bank cawangan dan koperasi, kebenaran untuk menjalankan operasi gadaian dijamin oleh Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (Akta 372) yang membenarkan gadaian beroperasi di sebagai satu unit tanpa perlu bernaung di bawah peruntukan untuk memohon lesen pajak gadai [20].

Selari dengan keperluan pelesenan ini, Ram Al-Jaffri [41] menegaskan sesebuah institusi yang menjalankan perniagaan atau aktiviti yang bersangkutan dengan kewangan Islam hendaklah ditamatkan menurut prosedur sekiranya didapati tidak memenuhi aplikasi syarak. Rentetan itu, Abdul Halim [6] melalui thesis beliau telah mencadangkan keperluan peranan sebuah Jawatankuasa Syariah dalam proses pemberian lesen bagi memastikan perniagaan dan hal ehwal aktiviti mematuhi syariah. Justeru, timbul persoalan apakah undang-undang yang mengawal selia semua institusi Ar-Rahnu dalam urusan pelesenan dan bagaimanakah amalan prosedur pemberian dan penamatan lesen operasi telah mengambil kira keperluan syarak bagi sebuah institusi untuk beroperasi?

¹ Kajian terhadap garis panduan bagi institusi kewangan bank dan bukan bank merangkumi margin pinjaman dan pengiraan upah simpan, kadar margin untuk setiap RM100.00 nilai aset serta tempoh gadaian bagi setiap institusi.

2.2.2 Pengawasan Operasi Syariah

Oleh kerana aktiviti-aktiviti Ar-Rahnu merupakan satu bentuk *muamalat* yang berasaskan syarak, para sarjana lepas turut memberi perhatian terhadap kepatuhan syarak dalam operasinya. Buktinya, semenjak tahun 2004 hingga 2014 terdapat beberapa kajian kritikal dan kolektif berhubung transaksi Ar-Rahnu yang melibatkan empat elemen iaitu *wadhiah yad dhamanah*, *qardhul hasan*, *ujrah* dan *ar-rahnu*. Ia telah di bincangkan secara kritikal melibatkan beberapa orang pengkaji iaitu Asmadi [11]; S. & N. Abdul Ghafar [5]; Shamsiah & Safinar [48]; Abdul Khir [7] Sharif [49] dan Nur Azura [35]. Umumnya, semua kajian tersebut mengakui perlunya satu kos pengurusan dikenakan ke atas penggadai namun justifikasi kos dikenakan ke atas penggadai perlu diperbaiki melalui beberapa bentuk cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji. Beberapa bentuk cadangan yang dikemukakan adalah pemakaian konsep *wadhiah bi ajr*, *qard hasan* dan *rahn al-wadhiah* bagi menggantikan konsep lama iaitu *qard hasan*, *wadhiah yad dhamanah* dan *al-ujrah* [7], mewujudkan tiga pihak dalam kontrak ar-rahnu iaitu pihak penggadai, pihak penerima gadaian dan pihak ketiga sebagai penyimpan *marhun* [11], mendiskriminasikan kadar upah penyimpanan mengikut kemampuan peminjam dengan mewujudkan beberapa tahap cawangan [19] dan menjustifikasikan perbelanjaan nafkah sebagai menggantikan upah simpan [48] berdasarkan perkhidmatan sebenar [27].

Oleh yang demikian, tiada kajian yang menolak keperluan sebuah badan yang berkepakaran dalam urusan syarak dan berperanan untuk menentukan sesuatu hukum dilibatkan dalam institusi ar-rahnu. Keperluan mewujudkan jawatankuasa Syariah di peringkat dalaman institusi Ar-Rahnu ini kemudiannya telah dicadangkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada tahun 2007 [29]. Saranan ini turut disokong oleh Abdul Halim [6] dengan tambahan justifikasi iaitu sebuah jawatankuasa syariah perlu ada untuk memberi pengesahan sebelum sebuah institusi Ar-Rahnu dibenarkan beroperasi.

Walaupun semua sistem kewangan Islam termasuk Ar-Rahnu yang beroperasi di Bank dikawal selia oleh Majlis Pengawasan Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia menurut Akta Bank Islam², namun ia tertakluk kepada Bank Islam yang mempunyai lesen sahaja. Kajian terperinci oleh Noor Inayah Yaacob [32] mendapati keterbatasan akta dalam menyentuh aspek penyeliaan dan bidang kuasa Majlis Penasihat Syariah dibuktikan apabila aspek penyeliaan tidak merangkumi undang-undang syarak yang bersifat substantif. Malah fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan dan fatwa selain daripada perbankan Islam tidak pernah mengikat Mahkamah Sivil. Justeru aspek bidangkuasa dan peranan Badan Pengawasan Syariah ini perlu dilihat secara mendalam selari dengan amalan sistem perbankan Islam sendiri.

Dalam masa yang sama, sejauh mana kepatuhan pihak industri terhadap dua keputusan berkaitan operasi ar-rahnu yang pernah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam pada tahun 2007 masih menjadi tanda tanya kerana belum wujud kajian berkaitan pematuhannya. Namun, satu kajian oleh Zaini Nasohah [53] berhubung pematuhan keputusan MJFK menunjukkan masih terdapat isu kepatuhan serta konflik bidang kuasa dalam beberapa kes yang dibawa ke mahkamah

Justeru, timbul persoalan sejauh mana Institusi Ar-Rahnu merujuk Majlis Badan Pengawasan Syariah Bank Negara dan mengambil kira keputusan MJFK dalam polisi atau dasar mereka?

2 Seksyen 13A Bahagian II Akta Bank Islam 1983

2.2.3 Isu pengauditan dan Pengawalseliaan

Selain pengawasan syarak, aspek pengauditan operasi perlu diberi perhatian bagi memastikan ketelusan tadbir urus Ar-Rahnu. Apatah lagi sekiranya modal sesebuah institusi dibiayai subsidi oleh pihak kerajaan atau dari mana-mana pihak [45]. Justeru, antara aspek yang perlu diberi perhatian adalah keperluan pengauditan wang keluar masuk, aspek keselamatan premis, infrastruktur, organisasi dan polisi yang diamalkan. Mohd Arshad [24] dalam kajiannya terhadap garis panduan dan polisi institusi ar-rahnu telah mengenal pasti beberapa elemen untuk diwujudkan dalam garis panduan institusi seperti operasi prosedur, polisi produk, polisi insurans dan prosedur perkhidmatan.

(Azila [12] dan Nafisah [31] turut menekankan beberapa aspek keselamatan perlu diambil oleh setiap institusi bagi memastikan keselamatan operasi terjamin. Antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh setiap institusi Ar-Rahnu adalah dengan melengkapkan infrastruktur keselamatan yang tinggi termasuk mensyaratkan perlindungan insurans melalui takaful [43] serta aspek penyelenggaraan dan peti simpanan [34] untuk menjamin keselamatan *marhun*. Pengambilan insurans ke atas *marhun* ini penting sebagai satu jaminan bayaran pampasan kepada penggadai sekiranya berlaku kerosakan akibat kebakaran atau kehilangan akibat kecurian [13].

Keperluan mewujudkan kedua-dua bentuk pengawalseliaan dalam bentuk syarak dan pengauditan pengurusan ini bukan sahaja boleh memberi keyakinan kepada pengguna malah mampu mengelakkan dakwaan salah laku pihak-pihak yang mempertikai ketelusan operasi Ar-Rahnu. Kegusaran berhubung pertikaian ke atas institusi Ar-Rahnu ini akhirnya menjadi realiti apabila wujud satu kes dakwaan penyelewengan ke atas YaPEIM oleh sebuah portal *National Oversight and Whistleblowers* baru-baru ini³, pihak YaPEIM telah menafikan dakwaan tersebut dengan beberapa hujah antaranya urusan operasi YaPEIM dikawal-selia oleh Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah dan Jawatankuasa Syariah yang bertindak sebagai penyelia dalaman YaPEIM manakala pengauditan luar dilakukan oleh Jabatan Audit Negara [17]. Justeru, timbul persoalan sejauh manakah semua institusi Ar-Rahnu mengambil kira langkah pengawasan yang teliti termasuk elemen pengauditan dari agensi luar sebagai keutamaan dalam pengurusan institusi?

2.2.4 Tatacara Pengendalian Pelelongan

Seterusnya, kajian Nafisah [31] telah menyumbang kepada tatacara pengendalian pelelongan yang berkesan untuk diamalkan. Dapatan kajian beliau membuktikan kaedah makluman sebelum proses lelongan tidak menjadi polisi yang mesti dipatuhi. Kajian telah dijalankan dengan penglibatan 135 institusi menunjukkan 28.92% daripadanya membuat lelongan dengan memaklumkan penggadai secara telefon atau tidak mengendahkan penggadai. Hasil dapatan tersebut dilihat selari dengan kajian Huda [19] yang menunjukkan makluman pelanjutan tempoh, pengedaran notis tebusan dan lelongan serta pemulangan lebih hasil lelongan antara 3 tema pematuhan yang lemah.

Selain itu, Rosliza [43] dan Huda [19] dalam kajian mereka turut memberi perhatian terhadap isu hebahan lelongan yang didapati masih belum meluas dan efisien. Berdasarkan kajian mereka, kaedah hebahan lelongan yang diamalkan di beberapa institusi ar-rahnu tidak melibatkan penggunaan medium hebahan seperti radio, iklan dan sebagainya.

³ Isu bermula semenjak awal November 2015 berhubung kebocoran dokumen yang menyebabkan isu menjadi viral dan ketelusan YaPEIM sebagai sebuah agensi yang menguruskan dana wakaf kebajikan dipertikaikan.

Begitu juga dengan prosedur selepas lelongan tersebut iaitu menyempurnakan urusan penyampaian baki (sekiranya ada selepas ditolak hutang dan upah simpan) kepada penggadai. Kajian yang sama oleh Huda [19]) menunjukkan maklumat berkaitan pemulangan hasil lelongan kepada penggadai masih kurang diamalkan oleh institusi. Manakala Bhatt dan Sinnakkannu [15] berpandangan insituti baitulmal merupakan institusi terbaik bagi menyimpan wang lebih lelongan walaupun tiada kajian yang membuktikan perkara tersebut. Justeru, timbul persoalan adakah prosedur sedia ada menetapkan laporan kewangan yang telus dan kaedah pengendalian pelelongan yang berkesan diamalkan?

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa keperluan kepada satu bentuk kod dan amalan tadbir urus korporat yang baik dilihat penting bagi mengelakkan kegagalan sesebuah entiti korporat yang sering dikaitkan dengan kelemahan dari sebuah tadbir urus yang lemah. Bahkan S.O. Abdulmalik [51] menyatakan konflik peraturan dalam sebuah tadbir urus dalam sebuah organisasi memberi kesan kepada mekanisme pematuhan dan pengawalan yang lemah. Justeru, perlu diwujudkan khasnya dengan menyatakan laporan semasa amalan pematuhan manual operasi, pematuhan syariah dan laporan kewangan kepada pihak pengawal selia.

2.3 Perundangan Dan Pengawalseliaan Ar-Rahnu Di Malaysia

Berdasarkan kajian lepas, pentadbiran institusi ar-rahnu ditadbir oleh agensi dan undang-undang yang berbeza bergantung kepada jenis institusi. Sebagai contoh, Bank Rakyat dan YaPEIM tertakluk kepada peraturan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) [36], Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) dan Permodalan Kelantan Berhad masing-masing di bawah seliaan kerajaan negeri (Kamarulzaman Sulaiman 2013) manakala institusi bank terletak di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) [6]. Dalam masa yang sama beberapa Institusi ar-Rahnu yang terikat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tertakluk kepada Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 dengan beberapa pengecualian [44]. Justeru, timbul persoalan pihak manakah yang menyelia institusi yang diletakkan di bawah organisasi seperti universiti dan persatuan?

Kajian terkini yang dilakukan oleh Estap Dubreuil [18] terhadap kepelbagaian dasar awam dalam pembangunan sektor mikro kredit di Spanish menunjukkan amalan tersebut memberi pengaruh yang negatif kepada sesebuah pembangunan institusi. Justeru, sekiranya dasar yang sama diamalkan terhadap institusi Ar-Rahnu di Malaysia, dipercayai aspek pengawal seliaan tidak dapat disempurnakan secara berkesan dan seragam.

Dalam membahaskan keperluan undang-undang khusus bagi Ar-Rahnu, beberapa kajian sebelum ini rancak membincangkan keperluan undang-undang Ar-Rahnu bagi tujuan pengawal seliaan. Menurut beberapa kajian yang komprehensif daripada Shamsiah [47]; Ahmad Saufi [8]; Mohd Hamdan [26]; Mohamad Sollehin [23]; Uzaimah Ibrahim & Safinar [52]; Nur Azura [35]; (Huda Md Yusuff [19]; dan Abdul Halim [6] mereka mendakwa Akta Pajak Gadai 1972 tidak memberikan satu jaminan keadilan kepada pengguna serta terdapat kelemahan yang ketara dalam penguatkuasaan akta sehingga memperlihatkan kelemahan sistem yang menjadi dasar kepada pelaksanaan pajak gadai di Malaysia. Ini dibuktikan lagi melalui kajian ekstensif oleh Mohd Hamdan [26] terhadap penyelewengan pajak gadai konvensional antaranya merosot nilai gadaian, kadar faedah yang berlebihan dikenakan, nilai gadaian yang rendah diberikan, tiket gadaian sukar dibaca atau difahami, mengenakan bayaran terhadap salinan tiket gadaian, melelong gadaian bernilai lebih RM100 tanpa memaklumkan penggadai, wang lebih gadaian tidak dipulangkan, pemberitahu upacara lelong tidak disebarkan seluasnya dan pemegang

pajak gadai menuntut wang pendahuluan. Justeru, hasil dapatan semua pengkaji di atas bersepakat untuk mencadangkan satu akta khusus berkaitan Ar-Rahnu diwujudkan.

Selain cadangan sebuah akta khusus dibentuk, dapatan beberapa pengkaji tersohor yang menganalisis pembentukan undang-undang Ar-Rahnu memberi pandangan berbeza terhadap isu lakuna perundangan ini. Para pengkaji seperti Abdul Ghafar Ismail [5]; Prof. Ahmad Ibrahim [7] dan Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman [40] mencetuskan idea agar rangka perundangan Akta Pajak Gadai sedia ada diguna pakai dengan beberapa pindaan selari dengan kehendak syarak. Beberapa peruntukan APPG 1972 yang dilihat jelas bertentangan dengan syarak adalah seksyen 17, seksyen 13 dan seksyen 23 APPG 1972.

Keperluan mewujudkan undang-undang Ar-Rahnu ini boleh diterjemahkan kepada beberapa justifikasi berikut berdasarkan dapatan pengkaji.

Pertama, dengan mewujudkan akta khusus berkaitan ar-rahnu dipercayai dapat membantu institusi untuk beroperasi dengan lebih sistematik dan memberi keyakinan kepada pelanggan pada masa akan datang di samping memastikan daya saing dan kemapanan pajak gadai Islam terpelihara [13].

Kedua, Nor Mohamed Yacop [33] menggariskan tiga pra-syarat yang diperlukan untuk mencapai sistem kewangan yang canggih dan berdaya maju. Salah satunya ialah sistem kewangan Islam hendaklah mengandungi pelbagai instrumen yang boleh didefinisikan sebagai dokumen rasmi yang sah berdasarkan perundangan dan peraturan tertentu yang secara jelas menyatakan hak-hak pihak tertentu dalam sesuatu kontrak.

Ketiga, kajian komprehensif oleh Selamah Maamor [44] terhadap penentuan keberkesanan sesebuah pajak gadai mendapati faktor persaingan, saiz firma, pemberian subsidi dan kawal selia terhadap operasi ar-rahnu akan mempengaruhi kecekapan ar-rahnu dan penting bagi memastikan kestabilan sistem kewangan dan perbankan. Dalam masa yang sama pengawalseliaan ini penting bagi memastikan modal yang disediakan dalam bentuk subsidi oleh pihak kerajaan, dana zakat dan sumber wang ahli dipantau selaras dengan objektif pemberi modal.

Keempat, satu bentuk penyeragaman tadbir urus dan perundangan ar-rahnu akan menjadi pelengkap kepada skim berkenaan sebagaimana model bagi produk kewangan Islam lain seperti Takaful yang dilindungi oleh satu undang-undang khusus. Akta Takaful yang telah diluluskan di Parlimen telah menjadi asas perundangan utama dalam penyelenggaraan dan pelaksanaan operasi pengendali takaful Malaysia. Justeru, tumpuan perlu diberikan kepada aspek pengawalseliaan dan pelesenan sistem yang bertindak sebagai penjamin industri untuk beroperasi mengikut laras undang-undang Islam [28].

Kelima, satu analisa yang dijalankan oleh Nur Hayati Rasmin [36] untuk melihat sejauh mana peraturan dalaman yang dibuat oleh beberapa institusi Ar-Rahnu memadai untuk melindungi kedua-dua pihak mendapati keperluan undang-undang khusus berkaitan Ar-Rahnu sangat penting memandangkan skim ini akan terdedah kepada pertikaian pihak-pihak sejajar dengan perkembangan pesatnya di Malaysia walaupun kajian menunjukkan tidak banyak isu berbangkit setakat ini.

Walaupun kajian Selamah binti Maamor [44] turut mendapati peraturan yang banyak bagi sesebuah cawangan Ar-Rahnu boleh menjejaskan keberkesanan institusi secara negatif, namun pengkaji memilih untuk menerima impak negatif tersebut jika dibandingkan dengan impak yang lebih besar melalui kewujudan undang-undang. Pengkaji turut menjelaskan peraturan

yang dimaksudkan merujuk kepada peraturan biasa seperti menghantar repot tahunan dan lain-lain perkara kepada Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK).

Justeru, berdasarkan kerelevanan dan justifikasi undang-undang Ar-Rahnu diwujudkan, timbul persoalan apakah bentuk kerangka perundangan yang paling praktikal sesuai dengan keperluan dan cabaran semasa institusi Ar-Rahnu?

Selepas mengambil kira perbahasan dan keperluan berkaitan undang-undang ar-rahnu, kerajaan telah mengusulkan untuk mewujudkan Akta Pajak Gadai Islam sebanyak dua kali melalui keputusan Jemaah Menteri. Kali pertama, kabinet bersetuju untuk meletakkan semua aktiviti dan undang-undang berkaitan pajak gadai Islam di bawah kawalan Kementerian Kewangan (MOF) pada 27 Februari 2009 dan kemudiannya dicadangkan semula pada 12 Februari 2014 agar Akta pajak gadai Islam tersebut diletakkan di bawah kawalan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) [21] dan [22].

Walau bagaimanapun, kedua-dua keputusan Jemaah Menteri tersebut masih belum dapat dilaksanakan lantaran perbahasan yang panjang di antara agensi berkaitan untuk mengawal selia akta yang bakal diwujudkan. Justeru, timbul persoalan apakah punca tergantungnya keputusan tersebut dan apakah kriteria sebuah agensi yang dilihat mempunyai kredibiliti untuk mengawal selia perundangan Ar-Rahnu?

Berikut merupakan dua jadual yang menjelaskan ringkasan kepada kesemua perbahasan kajian terdahulu yang telah dihuraikan di atas:

Jadual 1: Isu-isu berkaitan operasi dan tadbir urus ar-rahnu

No	Penulis	Hasil Kajian
1.	Abdul Halim (2015) dan (Huda Md Yusuff et al. 2015)	wujud perbezaan amalan prosedur operasi Ar-Rahnu disebabkan pemakaian polisi yang berbeza. Pemakaian polisi yang berbeza turut memberi kesan terhadap pendedahan maklumat berhubung proses tertentu kepada pelanggan
2.	Malaysia (Nur Hayati Rasmin & Ruzian Markom 2014); dan (Abdul Halim 2015).	Terdapat perbezaan bagi kadar penentuan caj upah simpan, margin pinjaman dan tempoh pengiraan gadaian mengikut institusi
3.	(Abdul Khir, Bahroddin Badri & Hussain (2013)	Penggadai akan mendapati kelebihan sekiranya caj mengikut setiap RM100 nilai marhun lebih rendah, margin pinjaman diberikan lebih tinggi dan kiraan berdasarkan jumlah hari.
4.	(Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-78 2007)	memberikan cadangan kadar upah simpan bagi skim Ar-Rahnu namun masih belum berjaya diseragamkan
5.	(Mohamad Sollehin 2012)	institusi Ar-Rahnu masih selesa menerima emas berbanding marhun lain
6.	Nafisah Mohamed et al. (2013)	pajak gadai konvensional menerima beberapa bentuk marhun terdiri daripada emas, perak dan segelintir menerima jam tangan sebagai gadaian.
7.	Amin et al. (2007)	faktor penerimaan marhun selain emas merupakan antara 5 faktor utama yang menjadi tarikan penerimaan pelanggan terhadap sesebuah pajak gadai.

8.	Prof. Dr Barjoyai Bardai, (2014)	menjangkakan institusi ar-rahnu boleh menjadi institusi pembiayaan modal kerja penting kepada kumpulan peniaga mikro di negara ini dengan mengembangkan beberapa bentuk marhun yang berbentuk komersil
9.	(Mohamad Sollehin 2012); (Rosliza Hassan 2011) dan (Nur Hayati Rasmin & Ruzian Markom 2014)	tempoh lanjutan gadaian berbeza mengikut institusi dengan tambahan antara 3 hingga 5 bulan sebaik permohonan dari penggadai diterima
10.	Mohamad Sollehin (2012)	terdapat perbezaan prosedur bagi kehilangan surat gadaian.
11.	(Huda Md Yusuff et al. 2015)	mendapati perlunya penambahbaikan dalam penyampaian maklumat kepada pelanggan
12.	(Ahmed, F., Brown, B. 2013)	sebuah institusi kewangan mikro kredit yang berkesan perlu meningkatkan tadbir urus organisasi dan model perniagaan institusi disamping mempunyai peraturan dan pengawalseliaan dari pihak kerajaan.
13.	(Prof. Dr Barjoyai Bardai 2014), (Huda Md Yusuff et al. 2015) dan (Mohd Shukri, Nor Azura & Mohd Ishak : 2006).	kaedah kawalan dan pemantauan ke atas semua aktiviti ar-rahnu di seluruh negara sangat penting bagi mengelakkan institusi Ar-Rahnu dijadikan sebagai sebuah industri kewangan seperti bank yang menekankan keuntungan
14.	Nur Hayati Rasmin dan Ruzian Markom, n.d. (2014).	terdapat beberapa undang-undang yang mentadbir selia ar-rahnu berdasarkan kajian terhadap garis panduan
15.	Razif Rosli (2013)	Laporan akhbar melibatkan satu kes yang mendakwa kadar caj kehilangan surat gadaian yang tinggi
16.	(Rosliza Hassan 2011)	Setiap institusi pajak gadai mesti mempunyai lesen bagi membolehkan ia beroperasi sebagai institusi yang sah
17.	(Abdul Ghafar Ismail 2013)	lesen operasi yang sah penting dan perlu tertakluk kepada prosedur penamatan.
18.	(Ram Al-Jaffri Saad 2014)	institusi yang menjalankan perniagaan atau aktiviti yang bersangkutan dengan kewangan Islam hendaklah ditamatkan menurut prosedur sekiranya didapati tidak memenuhi aplikasi syarak
19.	Halim Zulkifli (2015)	peranan sebuah Jawatankuasa Syariah dalam proses pemberian lesen bagi memastikan perniagaan dan hal ehwal aktiviti nya mematuhi syariah
20.	Asmadi Mohamed Naim (2004), S. & N. Abdul Ghafar Ismail (2005), Shamsiah Mohamad & Safinar Salleh (2008), Abdul Khir, Bahroddin Badri, & Hussain (2013), Sharif, & Shaharuddin (2014) dan Azman Mohd Noor (2014)	Membahaskan empat elemen dalam transaksi ar-rahnu menurut syarak Masing-masing mencadangkan struktur baru bagi membenarkan kos pengurusan dikenakan dalam transaksi gadaian.
21.	(Kebangsaan n.d. 2007)	Mencadangkan jawatankuasa syariah diwujudkan bagi setiap institusi yang menjalankan Ar-Rahnu
22.	(Noor Inayah Yaacub 2015)	Ar-Rahnu yang beroperasi di Bank dikawal selia oleh Majlis Pengawasan Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia

23.	(Zaini Nasohah 2005)	masih terdapat isu kepatuhan serta konflik bidangkuasa MJFK dalam beberapa kes yang dibawa ke mahkamah
24.	(Selamah Maamor 2010).	Pengawalseliaan penting bagi mengaudit sesebuah institusi yang dibiayai subsidi oleh pihak kerajaan
25.	(Azila 2011) ; (Nafisah Mohamed 2013) ; (Rosliza Hassan 2011) Azila Abdul Razak, Fidlizan Muhammad 2014) dan (Nur Atiqah Abu Bakar 2011)	aspek keselamatan perlu diberi perhatian oleh setiap institusi meliputi infrastruktur, insurans dan peti simpan untuk keselamatan marhun
26.	Nafisah Mohamed (2013)	kaedah makluman sebelum proses lelongan perlu menjadi polisi yang mesti dipatuhi.
27.	Rosliza Hassan, (2011) dan Huda Md Yusuff et al., (2015)	isu hebahan lelongan yang digunapakai masih belum meluas dan efisien

Jadual pertama berkaitan menunjukkan beberapa elemen penting dalam operasi yang didapati berbeza amalan dan prosedur disebabkan berbeza polisi dalaman yang ditetapkan mengikut institusi. Selain itu, beberapa isu tadbir urus dalam skim Ar-Rahnu perlu diberi perhatian sewajarnya. Justeru, timbul persoalan apakah mekanisme penyeragaman operasi dan satu tadbir urus yang berkesan boleh diambil serta dapat dipastikan agar ia benar-benar menepati kehendak syarak?

Jadual 2: Isu-isu perundangan dan pengawalseliaan ar-rahnu

No.	Pengkaji	Hasil Kajian
1.	(Nur Hayati Rasmin dan Ruzian Markom 2014),	Bank Rakyat tertakluk kepada peraturan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
	(Kamarulzaman Sulaiman 2013)	Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) dan Permodalan Kelantan Berhad masing-masing di bawah seliaan kerajaan negeri
	(Abdul Halim 2015)	Perbankan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).
	(Selamah Maamor & supizan 2005)	Institusi ar-Rahnu yang terikat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tertakluk kepada APPG 1972
2.	(Estep -Dubreuil, G., Torreguitart-Mirada 2013)	Kepelbagaian dasar awam dalam sektor mikro Kredit di Spanish memberi pengaruh yang negatif kepada pembangunan sesebuah institusi.
3.	Shamsiah & Safinar Salleh (2008); Ahmad Saufi Abdul Rahman (2007); Prof Dato' Mohd Hamdan (2014); Mohamad Sollehin (2012); Uzaimah Ibrahim dan Safinar Salleh, n.d (2006); Nur Azura, S., Selamah Maamor (2004); (Huda Binti Md Yusuff et al. 2015) dan Abdul Halim (2015)	Akta Peraturan Pajak Gadai (APPG) 1972 tidak dapat menjamin hak keadilan pengguna Penguatkuasaan appg 1972 yang lemah
	Prof Dato' Mohd Hamdan (2014)	Bersetuju mewujudkan akta khusus bagi Ar-Rahnu
4.		penyelewengan pajak gadai konvensional antaranya merosot nilai gadaian, kadar faedah yang berlebihan dikenakan, nilai gadaian yang rendah diberikan, tiket gadaian sukar dibaca atau difahami, mengenakan bayaran terhadap salinan

		tiket gadaian, melelong gadaian bernilai lebih RM100 tanpa memaklumkan pengadai, wang lebihan gadaian tidak dipulangkan, pemberitahu upacara lelong tidak disebarikan seluasnya dan pemegang pajak gadai menuntut wang pendahuluan
5.	(Abdul Ghafar Ismail & Shahida Shahimi 2013), (Prof. Ahmad Ibrahim, (t.t) n.d.) dan (Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, n.d.).	menggunakan rangka perundangan Akta Pajak Gadai sedia ada dengan pindaan
6.	(Azila Abdul Razak & Fidlizan Muhammad 2014)	akta khusus berkaitan ar-rahnu dipercayai dapat membantu institusi untuk beroperasi dengan lebih sistematik dan memberi keyakinan kepada pelanggan
7.	Nor Mohamed Yakcop (1996)	sistem kewangan Islam yang maju hendaklah mengandungi pelbagai instrumen yang boleh didefinisikan sebagai dokumen rasmi yang sah berdasarkan perundangan dan peraturan tertentu
8.	Selamah binti Maamor & Abdul Ghafar Ismail (2007)	faktor persaingan, saiz firma, pemberian subsidi dan kawal selia terhadap operasi ar-rahnu akan mempengaruhi kecekapan ar-rahnu
9.	(Mohd Sadad & Radiah Abd Kadir 2012).	Kewujudan akta ar-rahnu akan menjadi pelengkap kepada skim berkenaan sebagaimana model takaful
10.	(Nur Hayati Rasmin & Ruzian Markom 2014)	undang-undang berkaitan Ar-Rahnu penting memandangkan skim ini akan terdedah kepada pertikaian pihak-pihak sejajar dengan perkembangan pesatnya di Malaysia
11.	Selamah binti Maamor & Abdul Ghafar Ismail (2007)	peraturan yang banyak bagi sesebuah cawangan ar-rahnu boleh menjejaskan keberkesanan institusi secara negatif
12.	(Minit Mesyuarat Berhubung Penggubalan Akta Pemegang Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) 2011) dan (Mesyuarat Rancangan Mewujudkan Akta Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) dan Kertas Cadangan Rancangan Menggunakan Model Halal Untuk Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) Di Bawah Akta Perihal Dagangan 2011, n.d.)	Kabinet memutuskan dua kali agensi sebagai pengawal selia kepada Akta Pajak Gadai Islam 1972

Secara umum jadual 2 menunjukkan semua pengkaji bersepakat terhadap keperluan undang-undang yang seragam bagi mengawal selia ar-rahnu. Namun, terdapat beberapa persoalan yang perlu dibuat kajian lanjut. Antaranya apakah bentuk perundangan yang relevan dan komprehensif untuk diguna pakai? Apakah agensi yang mempunyai kredibiliti untuk menjadi pengawal selia kepada Akta Ar-Rahnu? Justeru, berdasarkan analisa bagi kedua-dua jadual sorotan literatur di atas, dapatlah diketahui terdapat keperluan kepada pengkaji untuk menghalusi setiap cadangan dan melihat alternatif terbaik bagi mengatasi kelompangan yang wujud dalam skim ini merangkumi isu mekanisme tadbir urus dan pengawalseliaan ar-rahnu di Malaysia.

3.0 KESIMPULAN

Setelah meneliti perbincangan dari kajian lepas, secara umumnya para sarjana yang membincangkan beberapa isu meliputi aspek operasi, tadbir urus dan perundangan sebelum ini masih meninggalkan beberapa persoalan lanjut untuk dikaji. Kajian literatur yang dihasilkan walau bagaimanapun mendapati tanggungjawab dan hak pihak institusi ar-rahnu untuk mengimplementasikan satu bentuk tadbir urus yang berkesan perlu kepada kerangka tadbir urus organisasi yang komprehensif dan bertepatan dengan kehendak syarak. Manakala pengawalseliaan yang berkesan perlu kepada bentuk perundangan dan pelantikan agensi pengawal selia yang khusus di peringkat kerajaan. Justeru, kesemua persoalan kaitan ketidakseragaman operasi, kelemahan tadbir urus dan ketidaktentuan bentuk undang-undang dan agensi yang mentadbir perlu diteliti dengan lebih mendalam sesuai dengan kehendak Ar-Rahnu sebagai institusi pajak gadai yang membawa imej Islam. Kajian lanjut berhubung perkara ini bukan sahaja akan memberi sumbangan besar kepada pihak kerajaan tetapi turut memberi transformasi baru kepada skim ar-rahnu sedia ada serta memberi jaminan hak kepenggunaan kepada pengguna terlibat.

RUJUKAN

- [1] A.M. Awang Kechil, Ar-Rahnu Scheme : A Model Macro hlm.Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan dan Perundangan YaPEIM, (2010).
- [2] A.M. Awang Kechil, Ar-Rahnu Scheme : A model of Microcredit and Its Impact on Socioeconomic Status of The Ummah - Special Reference on Malaysian Context. Kompilasi Prosiding Konvensyen Ar-Rahnu Serantau 2002 / 2004, hlm.20–23. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), (2005).
- [3] A.A. Nawi, Perancangan, permodalan dan pengurusan operasi Pajak Gadai Islam (al-Rahnu). Kertas kerja Seminar Kebangsaan Pajak Gadai Islam (Al-Rahnu). Kuala Lumpur, 1993.
- [4] A.Gh. Ismail, Sh. Shahimi, Regulation. Ar-Rahnu : Islamic Pawnbroking, hlm.121–136. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2013.
- [5] A.Gh. Ismail, A Framework for Regulating Oawnshops: Why Do, What Area and Shariah View. Proceedings of Malaysia Finance Association (MPA)'s 7th Annual Conference,. Kuala Terengganu, Terengganu, 2005.
- [6] A.H. Zulkifli, Kontrak hubungan penggadai dan pemegang gadaian dalam pelaksanaan ar-rahnu di Malaysia. Thesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 2015.
- [7] M.F. Abdul Khir, M. Bahroddin Badri, L. Hussain, Critical appraisal of Rahn-based islamic microcredit facility from Sharia'h perspective, American-Eurasian Journal of Sustainable Agriculture 7 (2013) 290–300.
- [8] A.S. Abdul Rahman, Development of Consumer Credit Laws in Malaysia. Journal of International Commercial Law and Technology 2 (2007) 68–72.
- [9] F. Ahmed, B. Brown, Is it time to regulate microfinance? Progress in Development Studies 13 (2013) 209–220.

- [10] H. Amin, R. Chong, H. Dahlan, R. Supinah, An Ar-Rahnu shop acceptance model (ARSAM), *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 1 (2007) 82–94.
- [11] A.M. Naim, *Sistem Gadaian Islam*. *Islamiyyat* 26 (2004) 39–57.
- [12] A.R. Azila, *Economic and Religious Significance of The Islamic and Conventional Pawnbroking in Malaysia : Behavioral and Perception Analysis*. Tesis PhD. Durham University, 2011.
- [13] A. Abdul Razak, F. Muhammad, *Kemapanan dan Daya Saing Pajak Gadai Islam di Malaysia*, Kuala Terengganu, Terengganu, *Prosiding PERKEM 9* (2014) 551–560.
- [14] A. Othman, N. Hashim, *Perkembangan Ar-Rahnu di Terengganu: Kajian Kes Terhadap Ar- Rahnu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)*. *Prosiding Perkem 2* (2013) 951–959.
- [15] P. Bhatt, J. Sinnakkannu, *Ar-Rahnu (Islamic Pawning Broking) Opportunities and Challenges in Malaysia*, 6th International Islamic Finance Conference, 2008.
- [16] C.W.H. Cheong, J. Sinnakkannu, *Ar- Rahnu: Opportunities and Challenges in Malaysia*. *Social Science Research Network* (2012) 1–11
- [17] Dato' Abibullah Hj Samsudin *Kenyataan Akhbar Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan YaPEIM* (2015).
- [18] G. Estap Dubreuil, C. Torreguitart-Mirada, *The public sector and the development of microfinance in Spain*, *International Journal of Social Economics* 40 (2013) 866–884.
- [19] N. Huda Md Yusuff, A. Abdul Razak, F. Muhammad, P. Sarjana Ekonomi, *Pengurusan dan Ekonomi*, U. Pendidikan Sultan Idris, P. Jabatan Ekonomi, *Kepatuhan proses gadaian dalam sistem pajak gadai Islam di Malaysia*, *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 9 (2015) 57–74.
- [20] K. Sulaiman, *Konsep dan kaedah Al-Rahnu di Malaysia*. Cetakan Pertama Penerbit UiTM, 2013.
- [21] *Mesyuarat Rancangan Mewujudkan Akta Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu)*. *Kertas Cadangan Rancangan Menggunapakai Model Halal Untuk Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) Di Bawah Akta Perihal Dagangan 2011*. (n.d.). Jabatan Perdana Menteri. *Perlimen Malaysia*, Kuala Lumpur, 2011.
- [22] *Minit Mesyuarat Berhubung Penggubalan Akta Pemegang Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu)*. 2011. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kuala Lumpur, 2011.
- [23] M.S. Mohamad Hair, *Ar-Rahnu : Kajian Perbandingan Antara Islam dan Konvensional di Bank Rakyat dan Yapeim*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 2012.
- [24] M.A. Sehan, *Isu-isu dalam pelaksanaan pajak gadai Islam di negara serantau-Malaysia*. *Skim Ar-rahnu : Sumbangan & Cabaran dalam Pembangunan sosioekonomi ummah*, hlm.Pertama., 150–168. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), 2014.

- [25] M. Mokhber, G.G. Tan, A. Vakilbashi, Enhancing Organization Demand for Innovation through Entrepreneurial Leadership and Social Networks 12 (2015) 1–12.
- [26] M.H. Adnan, Pajak Gadai Dari Sudut Pengguna. Skim Ar-rahnu : Sumbangan & Cabaran dalam Pembangunan sosioekonomi ummah, hlm.Pertama., 134–147. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), 2014.
- [27] M.H. Shukri Mohamad Hussin, Application of Shariah in Islamic Finance hlm.Ed. ke-2. Kuala Lumpur: IBFIM, 2015.
- [28] M.S. Mahmud, R. Abd Kadir, Perkembangan Takaful di Malaysia : Satu Kajian Undang-Undang Kewangan Islam. Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia, 24 (2012) 252–259.
- [29] Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-77. 2007. Penentuan Hukum Syarak di Dalam Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam (Al-Rahn) di Malaysia.
- [30] Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-78. 2007. Penentuan Hukum Syarak Di Dalam Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam (Al-Rahn) Di Malaysia (Cadangan Kadar Upah Simpan Barang Gadaian).
- [31] A.G.I. Nafisah Mohamed, Operators. Ar-Rahnu : Islamic Pawnbroking, hlm.163–183. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2013.
- [32] N. Inayah Yaacob, Kerangka Perundangan Sistem Kewangan Islam di Malaysia : Penilaian dan Hala Tuju. Dlm. Hashim (pnyt.). Kewangan Islam Pemikiran dan Penilaian Kontemporario, hlm.Pertama., (2015) 61–82. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- [33] N.M. Yakcop, Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 1996.
- [34] N.A. Abu Bakar, Hak dan Tanggungjawab Peggadai dan Pemegang Gadaian Terhadap Barang Gadaian Menurut Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.
- [35] S. Nur Azura, S. Maamor, Pajakgadai Konvensional dan Ar-Rahn: Terjaminkah Hak Pengguna? Seminar Kebangsaan Fakuti Ekonomi 2004 : Daya saing ekonomi dan sosial ke arah pemantapan pembangunan Ekonomi, Kedah, Universiti Utara Malaysia, 2004.
- [36] N.H.R. Ruzian Markom, Ar-Rahnu governance laws in Malaysia: An analysis on banks and no banks financial institutions. Proceeding International Conference of Global Islamic Studies (ICGIS 14), hlm. 116–127. United Kindom: Department of Syariah, Faculti of Islamic Studies The National University of Malaysia Salford University British Muslim Heritage Centre, 2014.
- [37] A.M. Noor, 2014, Bay' al-Wafa' Dalam Skim Jual Beli/Pelaburan Emas. <http://drazman.net/2014/10/bay-al-wafa-dalam-jual-beli-emas/>
- [38] A. Ibrahim, (t.t). (n.d.), Legal Framework of Islamic Banking in Malaysia, dlm IKIM. IKIM, hlm.1.
- [39] B. Bardai, Program Mikro Kredit Ar-Rahnu Sebagai pemangkin (Catalyst) Pembangunan Sosioekonomi Ummah : Cadangan Program Pengukuhan Masa Hadapan. Inovasi Dalam

- Industri Emas dan Ar-Rahnu, hlm.Pertama., 123–144. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), 2014.
- [40] M.S. Awang Othman. (n.d.). Akta Pajakgadai (1972) dari pandangan Islam dalam Seminar Kebangsaan Pajakgadai Islam (Ar-Rahnu). di Hotel Subang Merlin, Subang Jaya.
- [41] Ram Al-Jaffri Saad. 2014. Kewangan Islam di mata rakyat kita. dlm. Utusan Malaysia, hlm. 11.
- [42] Razif Rosli. 2013. Ditipu pajak gadai Islam. Sinar Harian Online, <http://www.sinarharian.com.my/ditipu-pajak-gadai-i>.
- [43] R. Hassan, Al-Rahn: Konsep al-Rahndan Pelaksanaannya di Bank Rakyat. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.
- [44] S. Maamor, A.G. Ismail, The Ar-Rahnu Efficiency and Its Determinants, *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance* 6 (2007) 105–126.
- [45] Selamah binti Maamor & supizan. 2005. Pindaan Akta Pemegang Pajakgadai 1972 : Cabaran kepada Ar-Rahnu dlm Seminar Ekonomi & Kewangan Islam. Bangi.
- [46] S. Maamor, The Determinants of Islamic Pawnshop (Ar-Rahnu). PhD Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor, 2010.
- [47] Sh. Mohamed, Perlaksanaan gadaian Islam di Institusi Gadaian Islam di Malaysia: Kajian kes di Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT). Disertasi. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1994.
- [48] Sh. Mohamad, S. Salleh, Upah Simpan Barang Dalam Skim Ar-Rahnu: Satu Penilaian Semula, *Jurnal Fiqh* 5 (2008) 47–65.
- [49] D. Sharif, A. Shahrudin, Understanding the reasoning pattern of Islamic jurists' views on the status of ar-rahn (Islamic pawn broking) contract and its ruling. 9th International Academic Conference, Istanbul, hlm. (2014) 818–832.
- [50] D. Sharif, A. Shahrudin, N.A. Muhamed, N.S. Pauzi, M.Z.M. Zin, The Improvement of Ar-Rahn (Islamic Pawn Broking) Enhanced Product in Islamic Banking System. *Asian Social Science* 9 (2013) 36–47.
- [51] S.O. Abdulmalik, Corporate Governance and Financial Regulatory Framework in Nigeria: Issues and Challenges. *Journal of Advanced Research in Business and Management Studies* 2 (2016) 50–63.
- [52] U.I. Safinar Salleh, The Objectives of al-rahn and their achievement in charge/mortgage in Islamic home financing: an analysis, *The International Conference on Islamic Jurisprudence and the challenges of the 21st*, hlm.1–13. Kuala Lumpur, 2006.
- [53] Z. Nasohah, Undang-undang penguatkuasaan fatwa di Malaysia, *Islamiyyat* 27 (2005) 25–44.